



BUKU PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU POLITEKNIK TAWAU SABAH

SESI II: 2024/2025



Tarikh Kemaskini: 13 Disember 2024

UNIT HAL EHWAL PELAJAR
Politeknik Tawau Sabah
KM36, Jalan Apas-Balung
91009 Tawau, Sabah.

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
1.0 Maklumat Am	2
1.1 Pengenalan	2
1.2 Kemudahan tempat tinggal	2
2.0 Panduan Pendaftaran Pelajar Baharu	3
2.1 Peringatan Penting	3
2.2 Proses Pendaftaran	4
2.4 Jadual Yuran Pengajian, Asrama & Bayaran Pelbagai	5
2.5 Kaedah Bayaran Yuran Pengajian dan Asrama	6 – 8
2.6 Kemudahan yang disediakan	8
3.0 Panduan Lapori Diri Pelajar	9
3.1 Pendaftaran Secara Dalam Talian	9
Lampiran	10
Borang HEP 1 hingga HEP 6	10
Borang Majlis Sukan Politeknik Malaysia	11
Senarai semak dokumen sebelum hari pendaftaran	11
Peringatan	12
Panduan Rupa Diri Pelajar Politeknik Tawau Sabah	

1.0 MAKLUMAT AM

1.1 PENGENALAN

Politeknik Tawau Sabah (PTS) merupakan Politeknik Malaysia yang ke -36 dan Politeknik yang paling baharu ditubuhkan di Malaysia. PTS telah didaftarkan pada 1 September 2017 di Tawau, sabah di bawah naungan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT).

PTS merupakan satu-satunya Politeknik dan Institusi Pendidikan Guru (IPG) di Malaysia yang wujud secara bersama dalam satu kawasan. PTS dan IPG berkongsi fasiliti dan tenaga kerja meskipun mempunyai visi dan misi yang berbeza.

Bertempat di Balung, Tawau, PTS dikelilingi dengan institusi-institusi pendidikan lain seperti IPG Kampus Tawau, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Tawau. Selain itu, terdapat sekolah yang berdekatan seperti SMK Balung dan sebagainya.

Visi PTS:

- ✓ Menjadi peneraju institusi TVET yang unggul.

Misi PTS:

- i. Menyediakan akses yang meluas kepada program TVET berkualiti dan diiktiraf;
- ii. Memperkasa komuniti melalui pembelajaran sepanjang hayat (PSH);
- iii. Melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang; dan
- iv. Memanfaatkan sepenuhnya perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan.

1.2 KEMUDAHAN TEMPAT TINGGAL

Politeknik Tawau Sabah menyediakan kemudahan penginapan di asrama pelajar. Bagi pelajar semester satu (1) adalah diwajibkan untuk menginap di asrama.


- i. Asrama disediakan kepada pelajar yang layak.
- ii. Pembayaran Yuran asrama hendaklah dijelaskan setiap semester iaitu sebanyak RM360.00 (2 pelajar satu bilik)
- iii. Politeknik hanya menyediakan kemudahan asas di asrama seperti katil, tilam, bantal, almari, meja dan kerusi. **Cadar dan sarung bantal serta keperluan peribadi lain hendaklah dibawa sendiri.**

2.0 PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SESI II: 2024/2025

2.1 PERINGATAN PENTING

- 2.1.1 Maklumat anda akan disemak secara terperinci pada hari pendaftaran. Tindakan akan diambil sekiranya anda:
- i. Memberi maklumat salah atau palsu semasa permohonan berkaitan dengan:
 - a. Kewarganegaraan
 - b. Keputusan Peperiksaan SPM atau Keputusan Peperiksaan Semester Akhir atau Keputusan Akademik (bagi yang berkenaan).
 - ii. Seorang penagih, pengedar atau terlibat dengan sebarang penyalahgunaan dadah.
- 2.1.2 Jika anda terlibat dengan perkara (i) dan (ii), tawaran kemasukan anda ke politeknik akan **DITARIK BALIK DAN TERBATAL**.
- 2.1.3 Pelajar yang mendapat tawaran program yang disenaraikan di bawah ini, dikehendaki memaklumkan kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Politeknik dengan **SEGERA** sekiranya didapati Buta Warna setelah membuat Pemeriksaan Doktor. Rujuk HEP 2 (m/s 7 - 10).
- i. **Diploma Pengurusan Pelancongan**
 - ii. **Diploma Pelancongan Rekreasi**
- *Syarat bagi program ini adalah calon tidak buta warna.**
- 2.1.4 Pelajar dikehendaki mencetak surat tawaran terkini di laman web <http://ambilan.mypolycc.edu.my> untuk simpanan sendiri.
- 2.1.5 Laporan Diri Pelajar Baharu:
- Laporan diri di kampus : **Rujuk Surat Arahan Daftar Masuk**
 - Pakaian: Sila berpakaian kemas, memakai kasut dan pastikan kekemasan diri yang baik semasa sesi pendaftaran.
 - Sediakan dokumen yang diperlukan sebelum laporan diri. (Borang HEP 1 – HEP 6)
 - Rokok dan Vape adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

2.2 PROSES PENDAFTARAN



Nota: Pelaksanaan adalah mengikut kesesuaian di institusi.

2.3 JADUAL YURAN PENGAJIAN, ASRAMA & BAYARAN PELBAGAI

BIL.	JENIS BAYARAN	JUMLAH (RM)	KAEDAH BAYARAN
1.	Yuran Pengajian (Sem 1 – Sem 5)	200.00 (1 semester)	Bayar melalui Aplikasi JomPay Biller code name: PTS Biller Code: 446302
2.	Yuran Asrama (Sem 1 – Sem 5)	360.00 (1 semester)	Peringatan: Sila letak rujukan seperti dibawah: Reference 1 : No Kad Pengenalan (Tanpa “-“) Reference 2: Nombor Telefon Pelajar ✓ Pastikan pembayaran dibuat SECARA BERASINGAN bagi Yuran Pengajian dan Yuran Asrama.
3.	Bayaran Pelbagai ✓ Insurans ✓ Kelengkapan pelajar	180.00 (Sem 1 sahaja)	Pindahan wang/ pembayaran ke akaun: Koperasi Politeknik Tawau Sabah Berhad (KPTSB) Nama Bank: Maybank Berhad No. Akaun: 560241023240 Rujukan: No Kad Pengenalan (Tanpa “-“)
4.	Bayaran Yuran Majlis Sukan Politeknik Malaysia	RM25.00	Pindahan wang/ pembayaran ke akaun: Tetuan Majlis Sukan Politeknik. Nama Bank: Bank Islam Malaysia No Akaun: 04033010039815 Rujukan: No Kad Pengenalan (Tanpa “-“)
5.	Segala perbelanjaan pemeriksaan doktor ditanggung oleh pihak pelajar.		


Nota:

- Patuhi arahan ketika membuat pembayaran melalui JomPay.
- Politeknik tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kesilapan yang berlaku dalam proses pembayaran yuran.
- Setiap resit bayaran yuran hendaklah dibuat salinan dan disimpan sebagai bukti pembayaran.


2.4 KAEDAH BAYARAN YURAN PENGAJIAN DAN ASRAMA

a. Kaedah menggunakan aplikasi JomPay

Langkah 1: Log Masuk ke Perbankan Pilihan Dalam Talian atau *Mobile Banking*



Langkah 2: Pilih JomPay pada menu *Pay Bills*



Langkah 3: Buat Pilihan Akaun Pengguna dan Isi Maklumat berikut:

- i) **Biller Code: 446302**
- ii) **Reference 1:** Nombor Kad Pengenalan **Pelajar** (tanpa -)
- iii) **Reference 2:** Nombor Telefon **Pelajar** (terhad kepada 20 aksara)
- iv) Jumlah: **Yuran Pengajian – RM200.00 / Yuran Asrama – RM360.00** (Sila buat transaksi berasingan bagi Yuran Pengajian dan Yuran Asrama)

From :

Please key in the necessary :

Biller Code :

Ref-1 :

Ref-2 : *Enter if available*

Amount (RM) :

← billercode

← rrn

← rrn2

← amount

Langkah 4: MENYEMAK SEMULA maklumat sebelum mengesahkan (**CONFIRM**) pembayaran

From : 745839932 - Savings Account

Biller Code :

Ref-1 :

Amount (RM) :

←

←

←

←

Langkah 5: *Unique JomPay Reference Number* akan dipaparkan setelah transaksi bayaran berjaya dilakukan.

JomPAY Status : Successful

From : 745839932 – Savings Account

Biller Code : 446302 - PTS ← billercode and billercodename

Ref-1 : 040210121010 ← rrn

Amount (RM) : 200 ← amount

Date & Time : 28-FEB-2014 08:17:06 AM

JomPAY Reference No. : 9JD72KF9 ← nbpsref

Bank Reference No. : 1836008

OK Print

Pelajar diwajibkan untuk mencetak maklumat bayaran ini bagi tujuan simpanan dan rekod pendaftaran pelajar.

2.5 KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN

2.5.1 Kolej Kediaman (KAMSIS)

- ✓ Penapis air seperti Cuckoo/Coway
- ✓ Bilik seterika
- ✓ Wifi

2.5.2 Bangunan Akademik

- ✓ Pusat Sumber
- ✓ Ruang Aktiviti Pelajar
- ✓ Surau
- ✓ Wifi

2.5.3 Astaka/Gelanggang Sukan/Gimnasium (Gunasama)

- ✓ Gelanggang Bola Jaring
- ✓ Gelanggang Bola Tampar
- ✓ Gelanggang Skuasy
- ✓ Gimnasium
- ✓ Gelanggang Badminton
- ✓ Padang

3.0 PANDUAN LAPOR DIRI PELAJAR

3.1 PANDUAN PENDAFTARAN ONLINE

- i. Pendaftaran ini dibuat sebelum lapor diri secara fizikal pada 5 Januari 2025. Sistem ini akan dibuka bermula **16 Disember 2024**.
- ii. Pastikan pelajar sudah menghantar Borang Jawapan Tawaran (BJT) dan membayar semuayuran (Yuran Pengajian dan Yuran Asrama).
- iii. Login <http://spmp.politawau.edu.my/uspmp2/logindaftarbaru.jsp> selepas (24-48 jam hari bekerja)membuat pembayaran yuran dan paparan berikut akan keluar.



- iv. Masukkan nombor kad pengenalan dan klik **Teruskan**.
- v. Sila klik No. 4 – **Pendaftaran Online (dalam talian)** dan **cetak Slip Pengesahan Pendaftaran Dalam Talian (Online)**

Langkah	Perkara yang perlu dilakukan	
1	Cetak Maklumat Am Sila cetak maklumat am pendaftaran Politeknik Hulu Terengganu	Maklumat Am
2	Cetak Maklumat Bayaran Sila cetak jadual bayaran untuk tujuan rujukan semasa anda membuat bayaran di Bank.	Maklumat Bayaran
3	Semak status bayaran pendaftaran Data bayaran pendaftaran yang dibuat hanya akan diterima pihak Politeknik Sultan Idris Shah sehari selepas bayaran dibuat	Semak Status Bayaran
4	Pendaftaran Online (dalam talian) Sila Klik Pendaftaran Online PSB setelah status bayaran yuran diterima oleh pihak Hulu Terengganu	Teruskan Untuk Pendaftaran

- vi. Anda **DIWAJIBKAN** untuk membawa salinan slip tersebut semasa hari pendaftaran.

LAMPIRAN

1. Borang HEP 1 hingga HEP 6 perlu dilengkapkan. **Setiap dokumen mestilah dicetak pada satu muka kertas bersaiz A4 untuk setiap satu, cetakan tidak boleh dilakukan pada muka hadapan dan belakang helaian yang sama.**
2. Pelajar perlu menjalani pemeriksaan kesihatan di klinik kerajaan/ swasta dengan tanggungan sendiri sebelum melapor diri sebagai pelajar Politeknik.
3. **Pegawai yang layak menjadi saksi untuk mengesahkan salinan sijil serta dokumen:**
 - a. Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional / Kumpulan A
 - b. Doktor yang bertugas di Pusat kesihatan Kerajaan sahaja
 - c. Pengetua Sekolah Menengah
 - d. Pegawai Polis berpangkat ASP dan ke atas
 - e. Pegawai Tentera berpangkat Kapten dan ke atas
 - f. Penguasa Penjara, Penguasa Bomba, Penguasa Kastam
 - g. Pengurus Felda atau Pengurus Felcra
 - h. Wakil Rakyat
 - i. Pengamal Undang-undang
 - j. Pesuruhjaya Sumpah
 - k. Jaksa Pendamai
 - l. Penghulu/Penggawa/Ketua Kampung/Pemanca/Ketua Kaum (Sabah & Sarawak)

(Sila pastikan cop pengesahan mesti mempunyai nama dan jawatan serta majikan

4. Borang HEP 1 – HEP 6 boleh dimuat turun di surat tawaran.
[BORANG HEP 1 6.pdf](#)
5. Borang Majlis Sukan Politeknik Malaysia (MSP)
[HEP - BORANG KEAHLIAN PELAJAR MSP MALAYSIA SESI II 2024 2025 SEM 1.pdf](#)

SENARAI SEMAK DOKUMEN SEBELUM HARI PENDAFTARAN

Semak dan tandakan ✓ pada petak yang berkenaan sekiranya perkara-perkara berikut telah disediakan oleh anda, sebelum ke Politeknik Tawau Sabah. **(Semua dokumen disusun mengikut tertib seperti tertera di dalam senarai semak)**

(PERINGATAN: Kegagalan membuat pengesahan dokumen salinan akan mengakibatkan pendaftaran anda DITOLAK)


1.0	Sampul (Dokumen Peribadi) – di dalamnya mengandungi salinan:-	
	a) Kad Pengenalan Pelajar	
	b) Kad Pengenalan Ibu / Bapa *Sijil kematian bagi yang telah meninggal	
	c) Sijil Keputusan Peperiksaan SPM	
	d) Sijil Kolej Komuniti KPT	
	e) Transkrip Keputusan (Lulusan Sijil Kolej Komuniti /) *	
	f) Sijil Berhenti Sekolah (Tingkatan 5 sahaja)	
	g) Surat Akuan / Testimonial Sekolah (jika berkaitan)	
	h) Gambar warna terbaru 2 keping (Lelaki-Bertali Leher, Perempuan-Kemas)	
2.0	Sampul B (Dokumen Pendaftaran Pelajar Baharu) – di dalamnya mengandungi:-	
	a) Salinan Resit Pembayaran JomPAY bernilai RM200.00 (Yuran Pengajian)	
	b) Salinan Resit Pembayaran JomPAY bernilai RM360.00 (Yuran Kolej Kediaman)	
	c) Salinan Surat Tawaran ke Politeknik	
	d) Borang Jawapan Tawaran (BJT-JPP)	
	e) Slip Pengesahan Pendaftaran Dalam Talian (SPMP)	
	f) Salinan Penyata Akaun Bank Pelajar	
	g) BHEP1 – Borang Maklumat Peribadi Pelajar	
	h) BHEP2 - Laporan Pemeriksaan Kesihatan	
	i) BHEP3 - Perakuan Pelepasan Tanggungjawab	
	j) BHEP4 - Kebenaran Ibu/Bapa/Penjaga Untuk Rawatan Pembedahan	
	k) BHEP5 - Aku Janji Pelajar	
	l) BHEP6 - Borang Pengesahan Pendapatan	
	Sampul C (Dokumen Pendaftaran Majlis Sukan Politeknik) - di dalamnya mengandungi:-	
3.0	Borang Keahlian Majlis Sukan Politeknik (MSP)	
	a) Salinan Resit Pembayaran (<i>Electronic Fund Transfer</i>) bernilai RM 25.00	

* Bagi pelajar lepasan Sijil sahaja

PERINGATAN:

- i. Semua bayaran secara **WANG TUNAI TIDAK DITERIMA** semasa Hari Pendaftaran.
- ii. Pelajar **digalakkan** membuka akaun simpanan di Bank Islam bagi memudahkan urusan pembayaran yuran pengajian, asrama dan deposit pinjaman PTPTN.
- iii. Semua pembayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan sekiranya anda berhenti dari menjadi pelajar PTS.
- iv. Kegagalan menunjukkan **RESIT BAYARAN** akan menyulitkan proses pendaftaran.
- v. Sila buat **4 SALINAN** (Pastikan terang & jelas) untuk **SETIAP BAYARAN** yang telah dibuat. (*tulis nama dan no pendaftaran pada setiap salinan*).

TATACARA PEMBAYARAN YURAN PENGAJIAN DAN ASRAMA

Mulai 1hb September 2021, bayaran Yuran hanya boleh dibuat melalui **saluran internet banking (JomPAY)**  dari mana- mana bank. Pembayaran Yuran Pengajian dan Yuran Asrama perlu dibuat berasingan dengan menggunakan 2 resit berbeza.



PEMBAYARAN SECARA MANUAL DI KAUNTER ADALAH TIDAK DIBENARKAN

PANDUAN RUPA DIRI PELAJAR POLITEKNIK TAWAU SABAH

Pakaian dan rupa diri pelajar lelaki dan perempuan sepanjang proses pendaftaran dan pengajian (kuliah)

PERKARA	LELAKI	PEREMPUAN
Baju	<ul style="list-style-type: none"> i. Baju kemeja lengan pendek/ panjang. ii. Baju-T jenis berkolar yang dibenarkan, tidak mempunyai tulisan atau gambar yang membawa pengertian liar atau negatif. iii. Sentiasa dimasukkan ke dalam seluar (tuck-in). iv. Mestilah sentiasa dikenakan butang dengan sempurna. v. Pemakaian baju Melayu (baju kebangsaan) dibenarkan tetapi hendaklah lengkap sepasang berserta sampung dan songkok hitam. vi. Baju batik Malaysia sahaja 	<ul style="list-style-type: none"> i. Baju kurung/ kebaya ii. Blouse yang tidak ketat iii. Dress/ gown/ jubah adalah TIDAK dibenarkan iv. Baju batik Malaysia sahaja v. Baju-T jenis berkolar yang dibenarkan, tidak mempunyai tulisan atau gambar yang membawa pengertian liar atau negatif.
Seluar / skirt	<ul style="list-style-type: none"> i. Seluar 'slack' panjang BERWARNA HITAM. Warna putih dan warna-warna terang seperti merah adalah tidak dibenarkan. ii. Seluar <i>jeans</i> seakan-akan <i>jeans</i> atau mempunyai fesyen seluar <i>jeans</i> adalah DILARANG. 	<ul style="list-style-type: none"> i. Seluar 'slack' panjang BERWARNA HITAM. Warna putih dan warna-warna terang seperti merah adalah tidak dibenarkan. ii. Skirt bawah paras lutut iii. Seluar <i>jeans</i> seakan-akan <i>jeans</i> atau mempunyai fesyen seluar <i>jeans</i> adalah DILARANG.

<p>Kasut dan Stokin</p>	<ul style="list-style-type: none"> i. Kasut berwarna HITAM. ii. Hendaklah sesuai untuk kerja di pejabat dan sempurna berstokin. iii. Stokin hendaklah berwarna hitam atau gelap dan melepasi buku lali. iv. TIDAK dibenarkan memakai stokin yang mempunyai gambar kartun dan sebagainya. v. Kasut sukan dibenarkan hanya untuk tujuan riadah sahaja. vi. Selipar, terompah, capal dan seumpamanya adalah dilarang (Kasut hendaklah bertutup penuh). vii. Kasut berladam logam yang berbunyi bising adalah dilarang. viii. Capal dibenarkan jika pelajar memakai baju melayu lengkap sahaja. 	<ul style="list-style-type: none"> i. Kasut berwarna HITAM ii. Bertumit TIDAK melebihi 3 inci. iii. Kasut sukan dibenarkan hanya untuk tujuan riadah sahaja. iv. Selipar, terompah, capal dan seumpamanya adalah dilarang (Kasut hendaklah bertutup penuh).
-------------------------	--	---

<p>Rambut</p>	<ul style="list-style-type: none"> i. Rambut sentiasa pendek dan kemas. Aras belakang tidak melebihi paras kolar baju, aras tepi tidak melebihi paras setengah telinga dan aras depan tidak melebihi aras dahi. ii. Rambut berfesyen seperti 'afro', 'punk', 'trojan', berekor dan diwarnakan adalah DILARANG. iii. Tidak botak kecuali yang disyariatkan oleh agama. 	<ul style="list-style-type: none"> i. Pelajar beragama Islam digalakkan bertudung. ii. Tidak dibenarkan mewarna rambut. iii. Diikat kemas/ rapi setiap kali menghadiri kuliah
---------------	---	---

CONTOH KASUT PELAJAR LELAKI YANG DIBENARKAN



CONTOH KASUT PELAJAR PEREMPUAN YANG DIBENARKAN

